

SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

**PdPR Minggu 17
Selasa 25hb Mei 2021**

UNIT 8 KEADILAN BERSIKAP ADIL KEMESRAAN TERJALIN BERLIAN JIRANKU

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

Tonton video di bawah.



BERSIKAP ADIL KEMESRAAN TERJALIN

Teliti situasi berikut.

Sipin dan jiran ditugasi untuk membuat persediaan bersempena dengan majlis sambutan hari raya peringkat kejiranan. Sipin mengagihkan tugas mengikut kebolehan jirannya.



Bil.	Nama	Tugasan yang diberikan	Kebaikan
1.	Sipin		
2.	Wen Jun		
3.	Sheila		
4.	Oviya		
5.	Muhamar		
6.	Gasan		

◆ Adakah tugas yang diberikan itu adil? Jelaskan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyatakan kesan jika Sipin tidak bertindak adil semasa membahagikan tugas kepada jirannya.

Bil.	Nama	Tugasan yang diberikan	Kebaikan
1.	Sipin	Menghasilkan jadual tugas yang adil mengikut kebolehan dan minat jiran-jiran.	Tugas dapat diagihkan sama rata dan setiap jiran dapat melakukan tugas dengan baik.
2.	Wen Jun	Menanam pokok-pokok bunga hiasan di kawasan kejiranan.	Bunga-bunga yang ditanam pasti hidup subur dan kawasan kejiranan semakin indah dan ceria.
3.	Sheila	Menggunakan komputer untuk menghasilkan kad ucapan hari raya, kain rentang, dan bendera iklan.	Kad ucapan, kain rentang, dan bendera iklan yang menarik dapat dihasilkan.
4.	Oviya	Menyediakan dan melatih penari-penari untuk persembahan tarian semasa majlis sambutan.	Persembahan tarian yang menarik akan menghiburkan semua ahli kejiranan.
5.	Muhammar	Membantu jiran-jiran yang perlukan bantuan dalam membuat persiapan untuk majlis sambutan hari raya.	Tugas jiran-jiran lain menjadi ringan dan mudah.
6.	Gasan	Menghasilkan kraf tangan yang sesuai untuk dekorasi majlis sambutan hari raya.	Kraf tangan yang cantik dan menarik dapat dihasilkan bagi mengindahkan majlis sambutan hari raya.

◆ Adakah tugas yang diberikan itu adil? Jelaskan.

Ya. Tugas yang diberikan itu adil kerana semua jiran mendapat tugas mengikut minat dan kebolehan mereka.

UNIT 8: Keadilan


• Bersikap Adil Kemesraan Terjalin

Buku Teks m.s. 68

Lengkapkan jadual di bawah ini tentang kebaikan bersikap adil terhadap jiran. SP8.2

TP2

KBAT Menganalisis



Situasi	Kebaikan
1. Mengadili setiap pemain yang menyertai pertandingan catur anjuran badan kejuruan dengan adil tanpa berat sebelah.	
2. Membuat semakan pemilihan berdasarkan bakat, bukannya sebab calon pilihan atau sebagainya.	
3. Memberikan sumbangan secara sama rata tanpa mengira bangsa dan agama.	
4. Memberi layanan yang sama rata dan tidak berat sebelah sesama jiran.	
5. Menjemput jiran datang ke rumah tanpa mengira kedudukan atau pangkat mereka.	

Nyatakan tindakan dan perasaan bersikap adil berdasarkan situasi yang berikut.

SP8.4 TP4

KBAT Mengaplikasi

Situasi	Tindakan	Perasaan
1. Kamu telah diberikan tugas untuk menyampaikan risalah tentang pendidikan seni mempertahankan diri kepada semua jiran.	Mengedar dan memberikan risalah kepada semua jiran tanpa ada nama yang tercicir	Bangga kerana dapat menolong
2. JKK Kawasan Kejiranan Sentosa akan menerima anak angkat dalam program bersama penuntut universiti. Kamu bersama-sama dengan rakan diminta untuk menghias dan menceriakan dewan orang ramai.		
3. Ketika mesyuarat agung Kelab Remaja Taman diadakan, semua ahli meminta kamu memilih ahli jawatankuasa (AJK) yang baharu. Kamu adalah pengerusi bagi kelab itu.		

#STAYSAFE
#STAYATHOME
#KITAJAGAKITA

